

January 2015




UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69

info *kampus*

UITM SARAWAK BULLETIN





NBOS-KPT: *My Kampung, My Future*

Oleh: Melinda Jindu

Program NBOS-KPT (*National Blue Ocean Strategy* di bawah Kementerian Pengajian Tinggi); *My Kampung, My Future* adalah merupakan pendekatan kerajaan di bawah skop transformasi komuniti yang merupakan salah satu inisiatif merentas kementerian yang melibatkan pelajar IPT di Malaysia untuk melaksanakan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat dengan memperkenalkan SMARTORS dan Juh Semarak KG Gedong! bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar kawasan Bandar. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 30 Oktober hingga 1 November 2014 di SK Kadir Gedong, Simunan anjuran UiTM (Sarawak) dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuching dan Universiti Malaysai Sarawak (UNIMAS) dengan sokongan penuh daripada FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dan Padibernas Nasional Berhad.

Bagi pelaksanaan program ini, seramai 30 orang pelajar IPT juga merupakan Duta Universiti yang telah dilantik di IPT masing-masing di bawah pemantauan mentor-mentor peringkat kampus yang terdiri daripada pegawai dan pensyarah dari IPT yang terlibat dalam menjayakan program ini.

SMARTORS adalah merupakan satu program pembelajaran dan pengajaran yang kreatif dan menarik dirangka khas untuk memupuk minat kanak-kanak luar bandar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Sasaran peserta untuk program ini adalah seramai 300 orang murid dari darjah 4 hingga 6 di sekolah tersebut. Kaedah pelaksanaannya adalah berdasarkan sesi pembelajaran dan pengajaran yang kreatif dengan melakukan eksperimen yang ringkas dan mudah difahami serta permainan Matematik yang menyeronokkan.

Manakala Program Juh Semarak Kg Gedong! pula adalah merupakan aktiviti khidmat masyarakat yang berdasarkan kursus pendek dan sasaran peserta adalah dari kalangan murid sekolah, guru dan juga penduduk kampung di sekitar Kampung Gedong. Antara kursus pendek yang diadakan adalah seperti Kursus Pembuatan Coklat Buatan Tangan, Kursus Pembuatan Simen Ferro, Kursus Tarian 1Malaysia dan Kursus 'Glass Painting' yang diadakan khusus untuk Kanak-kanak Khas di kampung tersebut. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk kampung.

Selain daripada meningkatkan taraf hidup penduduk di luar Bandar, program ini juga diharap dapat membantu merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara melalui penajaan pendapatan dengan memanfaatkan kemahiran yang diperolehi dari kursus-kursus pendek yang telah diadakan.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Samsul Alam Mohamad Shamsuddin, iaitu Pegawai Pendidikan Daerah Simunan semasa Majlis Perasmian Penutupan pada 1 November 2014 di Dewan Terbuka, SK Abang Kadir yang dihadiri oleh semua peserta program, keluar angkat yang terlibat dan turut hadir juga wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi, Pengarah Kolej Komuniti Kuching, wakil dari UiTM (Sarawak) dan juga wakil dari FAMA.



Kursus Pendek - Glass Painting



Kursus Pendek - Pembuatan Coklat Buatan Tangan



Kursus Pendek - Tarian 1Malaysia



Kursus Pendek - Pembuatan Simen Ferro



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**